

IMPAK AKTIVITI PELANCONGAN KE ATAS KOMUNITI SETEMPAT: TINJAUAN LITERATUR

IMPACT OF TOURISM ACTIVITIES ON THE LOCAL COMMUNITY: A LITERATURE REVIEW

Jessica James¹ & Rosazman Hussin²

¹Faculty of Social Sciences and Humanities,
Universiti Malaysia Sabah

²Borneo Institute for Indigenous Studies (BorIIS),
Universiti Malaysia Sabah

jessyicca8595@gmail.com, azzs@ums.edu.my

Corresponding author: Rosazman (azzs@ums.edu.my)

ABSTRACT

The writing of this article is based on literature reviews in discussing the issue of the impact of tourism activities on the local community in the Malaysian context recently. There are many tourism activities that have been conducted by tour operators whether they are local community members or investors from outside the villages or residences. In circumstances, tourism activities involve the local community members directly whether as entrepreneurs or employees. Therefore, this article attempts to understand the impact of tourism activities on the local community in terms of economic, social, cultural, and environmental aspects. Currently, there is a growing trend in the development of tourism activities in urban and rural areas. These trends had a clear impact on the local communities near the tourist area. The main data collection method for writing up this article was obtained through secondary data resources such as the journal article online, conference papers, reference books, and theses. The findings of the reviews indicate that tourism development in Malaysia recently has had a positive impact rather than a negative one particular before the time of Movement Control Order (MCO) Covid 19. This is because many local community members realized that tourism activities or industry would benefit them in terms of income generated and would uplift their quality of everyday life status and conditions.

Keywords: *Tourism activities, Positive impact, Negative Impact, Local Community*

ABSTRAK

Penulisan artikel ini adalah berasaskan tinjauan literatur dalam membincangkan isu impak aktiviti pelancongan yang dijalankan oleh pengusaha-pengusaha pelancongan dari luar tetapi beroperasi dalam kawasan pelancongan yang berhampiran dengan kampung atau penempatan komuniti setempat di Malaysia. Aktiviti pelancongan tersebut dalam situasi tertentu memberi impak ke atas ahli komuniti setempat secara langsung samada sebagai pengusaha ataupun pekerja. Penulisan artikel ini cuba untuk memahami isu impak pelancongan ke atas komuniti setempat samada dari aspek ekonomi, sosial, budaya, serta alam sekitar berdasarkan sumber data tinjauan literatur. Pada masa ini, dapat dilihat '*trend*' pembangunan sektor dan aktiviti pelancongan semakin meningkat di kawasan bandar serta luar bandar. Keadaan ini telah memberi impak jelas samada positif mahupun negatif terhadap komuniti berhampiran atau dalam kawasan pelancongan tersebut. Kaedah kutipan data artikel ini adalah berasaskan data sekunder yang diperolehi melalui artikel jurnal, sumber atas talian (internet), kertas kerja persidangan dan tesis. Hasil kajian literatur ini menunjukkan bahawa perkembangan pesat pelancongan di Malaysia terutama sebelum fasa Perintah Kawalan Pergerakan Covid 19 memberi kesan positif yang lebih ketara berbanding kesan negatif ke atas komuniti setempat. Ini kerana ramai ahli komuniti setempat samada di bandar dan di luar bandar menyedari bahawa pelancongan merupakan aktiviti ekonomi yang boleh menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti taraf hidup mereka.

Kata Kunci: Aktiviti Pelancongan, Impak positif, Impak negatif, Komuniti Setempat.

Pengenalan

Aktiviti pelancongan bukanlah sesuatu yang baru, pelbagai negara di dunia menggalakkan industri pelancongan untuk menjana pertumbuhan ekonomi dalam negara. Di kawasan luar bandar di Malaysia banyak kawasan yang mempunyai keunikan alam semula jadi yang asli diterokai dan dimajukan untuk tujuan pelancongan (Zuliskandar et al. 2015:471). Menurut Lembaga

Penggalakan Pelancongan Malaysia (*Malaysia Tourism Board*) menyatakan bahawa pada tahun 2019 sahaja sektor aktiviti pelancongan menunjukkan peningkatan pendapatan pelancongan sebanyak 2.4 peratus iaitu RM86.14 bilion sekaligus dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi Negara serta berkemampuan dalam mewujudkan peluang pekerjaan (Bernama, 2020).

Pada musim pandemik Covid-19 ini, setelah sekian lama menutup semua sektor aktiviti pelancongan bagi membendung penularan penyakit Covid-19, pada 16 September 2021 pihak Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (*Tourism Malaysia*) telah mengumumkan pembukaan sektor pelancongan di dalam Negara. Misalnya, sektor aktiviti pelancongan di Pulau Langkawi yang baru sahaja dibuka telah berjaya merekodkan kehadiran seramai 38,748 pelancong dalam negara serta meraih keuntungan sebanyak RM15.97milion (Datuk Seri Nancy Syukri, ASEAN Forum 2021). Manakala di Negeri Sabah pula, jumlah kedatangan pelancong mencatatkan penurunan sebanyak 85.2% dimana ia merupakan seramai 108,862 orang pelancong sahaja yang datang di negeri Sabah pada bulan Januari hingga Jun 2021, berbanding tahun 2020. Pada jangka masa yang sama, seramai 736,921 kemasukan pelancong yang dicatat namun masih tidak dapat menyaingi jumlah kedatangan pelancong pada 2019 iaitu seramai 4.2milion pelancong. Dengan penurunan kedatangan pelancong yang ketara ini, pihak kerajaan negeri Sabah kini lebih fokus dalam memperbaiki sektor pelancongan di Negeri ini agar bersedia apabila situasi pandemik ini telah dapat ditangani. di Malaysia, pelancongan yang berasaskan alam semula jadi seperti di kawasan pinggir pantai semakin bertambah tahun demi tahun. Misalnya, di negeri Sabah sahaja terdapat banyak pelancongan yang dijalankan berasaskan alam semulajadi sebagai daya tarikan para pelancong luar mahupun dalam Negara (Kosmo, 2021).

Oleh hal yang demikian, sektor pelancongan merupakan sebuah industri yang menguntungkan bukan sahaja dari aspek ekonomi bagi sesebuah Negara, malahan ianya juga mampu memberi impak positif dalam meningkatkan taraf sosioekonomi serta memenuhi keperluan sumber manusia dengan tenaga kerja yang wujud daripada industri ini (Habibah, 1994; Safura, 2015; Yahaya, 2006; Kayoko, 2011; Ernawati et al. 2018). Sektor pelancongan menjadi semakin penting dalam sesebuah negara disebabkan potensinya dalam pembangunan ekonomi melalui aspek pendapatan serta pertumbuhan ekonomi sesebuah seperti Malaysia (Noor Azrina, 2008).

Justeru, sektor industri pelancongan sentiasa diberi perhatian dan galakkan untuk berkembang saban tahun demi menarik lebih ramai pengunjung luar mahupun dalam negara demi membantu usaha untuk menstabilkan ekonomi sesebuah Negara. Walaupun pada musim pandemic Covid-19 sektor pelancongan dilarang untuk beroperasi, namun setelah pengumuman dari pihak kerajaan membenarkan aktiviti pelancongan untuk beroperasi semula, dapat dilihat impak positif dari aspek ekonomi khususnya. Pembangunan sektor pelancongan akan memberi impak terhadap komuniti sekitar kawasan berhampiran sama ada dari aspek ekonomi, sosial, dan budaya. Hal ini dapat dilihat dalam hasil kajian lepas yang merumuskan bahawa aktiviti pelancongan memberi impak positif dan negatif terhadap budaya, sosial serta alam sekitar di suatu destinasi pelancongan tersebut (Lawrence et al. 1988; Glenn, 1992; Abraham & Aliza, 2002). Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam seksyen hasil dapatan kajian dalam artikel ini.

Definisi Konsep Utama Kajian

i. Konsep Impak Aktiviti Pelancongan

Aktiviti pelancongan merupakan suatu aktiviti yang dijalankan oleh manusia yang memberi kesan terhadap aspek ekonomi (Liu et al. 1987). Aktiviti pelancongan juga memberi impak positif terhadap aspek ekonomi serta infrastruktur, namun tidak dinafikan aktiviti pelancongan juga memberi kesan negatif terhadap aspek sosial (Šimková et al. 2007; Ancuta et al. 2011). Impak aktiviti pelancongan adalah sesuatu pembangunan yang dilaksanakan di suatu destinasi pelancongan yang bermaksud untuk membawa impak kepada komuniti setempat (Ko & Stewart, 2002). Sesuatu pembangunan aktiviti pelancongan itu amnya menggunakan intensif buruh yang mana ianya terdiri daripada komuniti setempat (Upchurch & Teivane, 2000). Kebanyakan usaha aktiviti pelancongan yang dilaksanakan adalah berasaskan alam sekitar, Oleh itu impak aktiviti pelancongan seharusnya membawa kebaikan kepada komuniti setempat kerana mereka yang tinggal berdekatan dengan lokasi aktiviti pelancongan ini amat sensitif dengan keadaan persekitaran mereka. Impak positif yang dibawa melalui pembangunan pelancongan amat penting bagi menjaga kelestarian pembangunan pelancongan tersebut (Upchurch & Teivane, 2000).

Sebelum sebarang pembangunan pelancongan dilaksanakan, faktor budaya, sosial, dan ekonomi yang ada pada sesebuah komuniti setempat itu akan diambil kira terlebih dahulu. Penglibatn ahli komuniti setempat perlu di ambilkira sebagai penentu kepada keberkesanan sesuatu aktiviti pelancongan yang akan membawa pendapatan atau faedah kepada komuniti setempat (Ko & Stewart, 2002). Ini kerana, setiap faktor yang dititikberatkan ini mempunyai rangkaian unik antara satu sama yang lain, Pembangunan pelancongan yang hanya meletakkan fokus utama kepada faktor ekonomi semata-mata tanpa mempertimbangkan kesan yang berlaku terhadap komuniti akan menyebabkan aktiviti pelancongan tersebut menjadi tidak lestari.

ii. Konsep Komuniti Setempat

Komuniti setempat adalah merupakan subjek utama dalam kajian sains sosial dan pembangunan pelancongan. Komuniti setempat merupakan sekumpulan manusia yang tinggal bersama-sama di suatu lokasi yang hidup aman damai walaupun mempunyai perbezaan dari aspek bangsa, agama, dan amalan hidup seharian (Hamzah et al. 2004). Lebagai definisi penggunaan konsep komuniti setempat dalam suatu penyelidikan yang dijalankan (Abdul Rahman, 2007). Namun menurut ahli sosiologi, komuniti merupakan satu unit organisasi sosial dimana terdapat manusia yang berada di kawasan kediamannya yang melakukan aktiviti aktiviti kehidupan harian mereka secara rutin. Seseengah penyelidik menekankan bahawa tiga elemen penting yang wujud bagi komuniti iaitu kawasan geografi, interaksi sosial, dan hubungan komuniti (Poplin, 1978).

iii. Konsep Pelancong dan Pelancongan

Mathieson & Wall (1982), menyatakan bahawa pelancongan melibatkan pergerakan sementara manusia kepada destinasi di luar tempat kerja biasa dan tempat tinggal. Pertubuhan Pelancongan Dunia atau World Tourism Organization (WTO) mendefinisikan pelancongan sebagai orang yang pergi atau tinggal di tempat-tempat yang di luar kebiasaan mereka untuk bercuti dengan tidak melebihi tempoh satu tahun. Seterusnya, menurut Mujaldi dan Siti Nurhayati (2002) yang menyatakan bahawa pelancongan adalah pengunjung sementara yang tinggal hanya satu hari di suatu tempat atau negara yang dikunjunginya. Melalui konsep ini kita dapat memahami

hubungkait pelancong dan kawasan pelancongan serta memahami bagaimana pelancongan dan kawasan pelancongan dapat membantu dalam meningkatkan taraf hidup komuniti setempat.

Ulasan Kajian Lepas

Kajian Terhadap Impak Aktiviti Pelancongan Ke atas Komuniti Setempat (Ekonomi, Sosial, Budaya)

Kajian yang dijalankan Che Rose et al. (2018) yang bertajuk “Impak Sektor Pelancongan Terhadap Perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Cherating, Pahang”. Kajian ini menilai kemampuan penawaran dan permintaan produk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan kesan pelancongan terhadap perkembangan ekonomi pengusaha di Cherating. Pengkaji menggunakan metod kuantitatif iaitu kaedah survei melalui borang soal selidik dalam proses mengumpul data. Data kemudian dianalisis perisian SPSS. Terdapat 42 orang dari 47 usahawan PKS yang terlibat dalam kajian ini. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesan pelancongan terhadap pembangunan pelancongan di Cherating adalah positif. Bukti yang dapat dilihat adalah melalui kedatangan pelancong yang dapat mempengaruhi peningkatan ekonomi pengusaha PKS dari segi hasil penjualan, produktiviti, keuntungan modal, bonus dan peluang pekerjaan. Melalui penemuan tersebut, didapati bahawa aktiviti pelancongan di Cherating, Pahang, perlu dikembangkan lagi. Kerajaan Negeri Pahang bertanggungjawab untuk mempromosikan Negeri Pahang sebagai destinasi lawatan wajib bagi semua rakyat Malaysia. Pembinaan tempat pelancongan yang menarik boleh menjadi tarikan pelancong. Sekiranya Pahang menjadi tempat terkenal dan sering dikunjungi oleh pengunjung, sudah pasti bilangan pelancong ke Pahang terutama di Cherating semakin meningkat dan ini akan mempengaruhi PKS di sekitar Cherating sekaligus membantu meningkatkan lagi taraf kehidupan komuniti setempat dengan peningkatan ekonomi. Oleh itu, melalui kajian lepas ini, penyelidik dapat meneliti bahawa terdapat persamaan antara kajian oleh Che Rose et al. (2018) dengan kajian ini. Hal ini kerana kedua-dua kajian ingin melihat impak sektor pelancongan terhadap pembangunan komuniti setempat.

Selain itu, satu kajian lain yang melihat kepada kesan sosial juga dilakukan oleh Safura Ismail pada tahun (2015) yang bertajuk ‘Kesan Sosial Pembangunan Pelancongan pada Masyarakat Tempatan di Mukim

Kedawang, Pulau Langkawi'. Hasil kajian ini menerangkan sebelum tahun 1987, majoriti penduduk Pulau Langkawi mengusahakan pertanian dan sektor perikanan (Azizan, 2008). Pengisytiharan Langkawi sebagai pulau bebas cukai pada tahun 1987 telah memajukan perkembangan industri pelancongan, yang berjaya mengubah corak sosioekonomi tradisi kepada ekonomi berasaskan pelancongan yang menjadikan pulau ini sebagai sebuah destinasi pelancongan yang popular. Menurut Omar et. al (2013), prestasi destinasi pelancongan sering dinilai berdasarkan jumlah kedatangan pelancong. Pada masa ini, Pulau Langkawi dianggap sebagai destinasi yang paling banyak dikunjungi oleh pelancong tempatan dan juga pelancong antarabangsa. Dapatan kajian mendapati bahawa tanggapan masyarakat mengenai impak sosial yang positif ialah meningkatkan kemahiran bahasa asing, meningkatkan kecekapan infrastruktur, memberi peluang pekerjaan kepada wanita, meningkatkan pendapatan isi rumah dan peningkatan infrastruktur serta kemudahan awam. Tenaga buruh wanita banyak digunakan dalam sektor penginapan pelancong. Ini termasuklah memaksimumkan kebersihan penginapan tersebut bagi tujuan kepuasan pelancong. Keadaan ini secara tidak langsung telah membantu dalam meningkatkan kemahiran bertutur bahasa asing dalam kalangan pekerja di kawasan pelancongan tersebut. Namun, tidak dinafikan pembangunan pelancongan yang diusahakan turut memberi impak negatif kepada komuniti setempat di destinasi pelancongan terbabit seperti amalan nilai budaya tradisi yang semakin berkurangan. Kesan negatif pelancongan dapat dilihat ialah gejala minum minuman keras dalam kalangan remaja merupakan perkara biasa dan minuman keras senang diperolehi. Ini ada kaitan dengan pengaruh negatif budaya dari barat yang menjadi ikutan golongan muda mudi. Namun hasil keseluruhan kajian tersebut mendapati bahawa kesan positif pembangunan pelancongan adalah lebih besar daripada kesan negatif.

Di samping itu, kajian oleh Norazni Syaripudin (2017) yang bertajuk "Persepsi Penduduk Tempatan Terhadap Impak Pembangunan Ekopelancongan Di Semporna, Sabah". Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kuantitatif dan sampel kajian adalah yang menggunakan persampelan secara rawak mudah. Kajian ini menilai impak pembangunan ekopelancongan terhadap aspek sosial penduduk tempatan, ekonomi dan alam sekitar. Hasil daripada pembangunan ekopelancongan memberikan impak positif kepada komuniti setempat. Dari segi sosial menunjukkan bahawa pembangunan ekopelancongan memberikan impak positif iaitu meningkatkan dan memajukan kemudahan infrastruktur, prasarana dan meningkatkan kemudahan komunikasi yang lebih baik dalam kalangan ahli komuniti. Impak positif pembangunan ekopelancongan adalah mampu

meningkatkan taraf hidup komuniti serta mengembangkan industri kecil dan sederhana (IKS). Kesan positif aspek ekonomi ini melebarkan lagi peluang pekerjaan dan sumber pendapatan kepada komuniti setempat. Dari segi pemuliharaan alam sekitar, impak pembangunan ekopelancongan ini membawa kepada penjagaan hidupan laut dan marin yang semakin dilindungi dan kebersihan di pusat pelancongan semakin dititik beratkan.

Seterusnya, kajian mengenai impak pelancongan oleh Norlida Hanim et al. (2017) dalam kajian mereka yang bertajuk ‘Impak Pembangunan Pelancongan ke atas Persekitaran Manusia dan Fizikal Komuniti Pulau Tioman’. Pembangunan pelancongan di Pulau Tioman ini melibatkan masyarakat tempatan. Seramai 228 komuniti tempatan di Pulau Tioman menjadi responden telah ditemubual dengan menggunakan borang soal selidik sebagai alat kajian untuk melihat sejauh mana masyarakat mendapat manfaat daripada pembangunan yang berlaku. Adakah mereka masih memberikan sokongan padu di masa hadapan?. Hasil kajian menunjukkan masyarakat tempatan secara keseluruhannya memperolehi kesan positif iaitu dari aspek ekonomi, sosial, budaya dan alam sekitar. Mereka sangat berpuas hati terhadap hasil pembangunan pelancongan yang diperolehi. Walau pun ada kesan negatif dimana jika disusun mengikut urutan, yang paling terkesan adalah impak sosial, selanjutnya impak alam sekitar serta budaya dan ekonomi. Namun, komuniti setempat mengatakan bahawa mereka akan memberi sokongan kepada pembangunan yang akan dijalankan pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, sokongan yang diberikan ini terhadap aspek utama sebagai contohnya, pembukaan peluang pekerjaan, peningkatan gaji, kemudahan kesihatan serta penyediaan kemudahan asas. Ringkasnya, hasil kajian ini berpendapat bahawa pembangunan aktiviti pelancongan di Pulau Tioman ini haruslah diteruskan. Ini kerana ia bukan sahaja mampu membawa impak positif namun juga berupaya membangunkan sosialisasi masyarakat berpandukan kepada faktor keperluan pada masa hadapan. Dengan itu, bagi merangsang penglibatan ahli masyarakat, pihak berkepentingan harus memberi fokus kepada aspek yang memberi manfaat kepada mereka agar setiap pembangunan ini mampu meningkatkan keberfungsian sosial mereka.

Seterusnya, kajian tentang “Impak dan Persepsi Ekopelancongan Terhadap Komuniti Setempat di Lumut, Perak” pada (2018) oleh Norliyana Adnan & Mohd Parid Mamat. Destinasi ekopelancongan ini terdapat di pelbagai ekosistem semulajadi mempunyai banyak keistimewaan dan memberi pelbagai manfaat bukan sahaja kepada pengunjung malah kepada masyarakat sekitarnya. Lumut merupakan salah satu destinasi

ekopelancongan ekosistem persisiran pantai yang popular di Negeri Perak. Selain mempunyai pantai yang menarik, ia juga merupakan kawasan tarikan pelancong untuk mendapatkan hasil-hasil laut yang segar atau yang telah diproses. Sebelum edaran borang soal selidik dilakukan, penyelidik telah membuat pemerhatian awal terhadap komuniti di enam buah kampung di Mukim Lumut. Dimana sebelum pemerhatian awal dijalankan, pihak penyelidik telah menggunakan kaedah data primer dimana penyelidik telah mengadakan tinjauan awal (*rapid rural appraisal*) yang telah berjalan pada 7-9 Februari 2018. Penyediaan kertas soal selidik, perancangan pemerhatian awal terhadap isi rumah terhadap kampung yang terlibat. Borang soal selidik dibangunkan adalah berdasarkan hasil tinjauan awal dan dibahagikan kepada beberapa bahagian merangkumi status isi rumah, impak ekopelancongan dan persepsi ekopelancongan terhadap isi rumah. Hasil kajian mendapati terdapat kesan-kesan positif yang diterima oleh komuniti setempat dengan pembangunan ekopelancongan di sekitar Lumut. Dimana persekitaran ekopelancongan memberi manfaat kepada komuniti setempat sama ada dari segi sumbangan persekitaran ekosistem mahupun kepada pembangunan setempat. Persepsi komuniti terhadap persekitaran ekopelancongan dan impak kepada penduduk juga amat positif terutama dari aspek ekonomi. Ia menunjukkan minat penduduk ke atas penglibatan dalam aktiviti-aktiviti ekopelancongan yang memberi sumber pendapatan tambahan kepada mereka.

Seterusnya, kajian oleh Christopher Perumal et al. (2016) yang bertajuk “Impak ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Malaysia: Kajian kes komuniti nelayan Bagan Lalang, Sepang, Selangor”. Pembangunan ekopelancongan Sepang Gold Coast (SGC) di pantai Bagan Lalang, Sepang menyediakan kemudahan pelancongan yang bertaraf dunia. Pembangunan ini telah membawa ramai pelancong serata dunia ke Bagan Lalang yang memberi impak kepada ekosistem serta komuniti setempat terutamanya komuniti nelayan. Kajian impak pembangunan aktiviti ekopelancongan Sepang Gold Coast (SGC) terhadap komuniti nelayan di sekitar Bagan Lalang ini menggunakan kaedah temubual dan pagedaran borang soal selidik. Penyelidik berjaya mendapatkan seramai 51 orang nelayan untuk menjadi responden terhadap kajian ini. Hasil kajian mendapati fasa awal pembinaan projek Sepang Gold Coast (SGC) memberi kesan negatif yang ketara berbanding fasa operasi. Dapatan juga menunjukkan penurunan purata pendapatan nelayan sebanyak 43.6% direkodkan dengan penurunan pendaratan ikan sebanyak 45.0% ketika fasa pembinaan. Sementara pada fasa operasi, purata pendapatan meningkat semula sebanyak 36.6% walaupun mencatat penurunan berterusan ke atas pendaratan ikan. Keadaan

ini berlaku disebabkan terdapat penglibatan ahli komuniti nelayan dalam pembangunan Sepang Gold Coast (SGC) dan wujud pekerjaan sampingan. Seterusnya, perubahan sosioekonomi, kesihatan, keselamatan, estetika persekitaran fizikal dan budaya komuniti nelayan juga antara impak negatif yang terpaksa ditanggung. Impak positif menunjukkan kewujudan peluang pekerjaan dan perniagaan serta pembangunan infrastruktur kemudahan asas. Manakala, impak negatif terdiri dari kemerosotan kualiti ekologi laut yang menjejaskan operasi perikanan dan perolehan pendapatan nelayan. Keseluruhannya, kajian ini mencadangkan bahawa penilaian impak persekitaran manusia komuniti nelayan ini penting dilakukan bagi menjamin kesejahteraan sosial dan alam sekitar yang lestari.

Kajian mengenai “*The Impact of Community Based Tourism On Community Development In Sarawak*” telah dilakukan oleh Parveen Kaur et al. (2016). Dalam reka bentuk kajian, data primer dikendalikan melalui pengumpulan data. Sebanyak dua puluh borang soal selidik diedarkan kepada komuniti homestay tempatan yang dikunjungi oleh penyelidik. Responden diberi penjelasan mengenai soalan-soalan untuk memastikan pengumpulan data tepat dan bermakna. Penyelidikan ini juga menggunakan data sekunder untuk menyokong penemuan kajian tersebut. Untuk mencapai objektif kajian ini, tiga hipotesis dicadangkan untuk mengkaji kesan kepemimpinan, penyertaan dan pembangunan masyarakat terhadap CBT. Pelancongan Berasaskan Komuniti (CBT) mapan di Sarawak yang melibatkan masyarakat setempat, persekitaran, hak sosial dan budaya. Ia mempunyai tumpuan yang sangat kuat kerana secara langsung memberi manfaat kepada masyarakat setempat. CBT membantu dalam mempromosikan dan mencapai kesinambungan perniagaan inap desa mereka. Ringkasnya, CBT mempunyai kelebihan berikut; pertama, masyarakat semasa menguruskan penempatan inap desa, meningkatkan kecekapan mereka dalam keusahawanan, pengurusan, komunikasi (interpersonal) dan kepemimpinan. Penglibatan ini memberi kekuatan masyarakat tempatan dalam setiap aspek pengurusan pelancongan terutamanya menjana pendapatan. Kedua, masyarakat memelihara budaya, tradisi dan warisan mereka melalui CBT. Homestay pengendali dengan bangga mengakui diri mereka sebagai tradisi tempatan. Mereka mengekalkan bukan sahaja milik mereka budaya dan warisan tetapi juga mempersiapkan generasi akan datang untuk memartabatkan budaya mereka. Akhirnya, kualiti hidup bertambah baik kerana pelbagai peluang pekerjaan yang dibuat oleh CBT. Perniagaan kecil didirikan di kawasan homestay seperti kraftangan tempatan, dan lain-lain. Kejayaan program inap desa meningkatkan standard kualiti hidup melalui penghasilan produk yang lebih banyak. Inilah salah

satu sebab CBT dianggap sebagai salah satu strategi terbaik untuk mengurangkan kemiskinan di luar bandar. Kajian ini merangkumi 20 homestay di tiga kampung di Sarawak. Kampung yang terlibat ialah Kampung Annah Rais, Padawan, Kampung Tebekang Melayu, Serian dan Kampung Santubong, Kuching. Kajian ini menyimpulkan bahawa CBT mempunyai kesan yang signifikan terhadap pembangunan masyarakat.

Kesimpulan

Aktiviti pelancongan tidak dinafikan memberi impak positif terhadap aspek ekonomi ahli komuniti atau masyarakat setempat yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pelancongan ini. Namun, tidak dinafikan aktiviti pelancongan juga memberi impak negatif terhadap aspek sosial dan budaya. Kebanyakan kajian lepas yang telah dijalankan mendapati bahawa komuniti setempat mengalami kesan negatif daripada aktiviti pelancongan yang tidak dikawal dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab. Kerisauan besar ahli komuniti setempat di kawasan-kawasan terlibat seperti dinyatakan oleh penyelidik-penyelidik lepas adalah aspek budaya asal atau budaya tradisi yang semakin terhakis. Ahli komuniti seperti golongan muda lebih tertarik ke arah budaya serta hubungan sosial yang ditunjukkan oleh para pelancong luar yang datang ke kawasan mereka. Namun, kesan positif aspek ekonomi dalam kajian lepas menunjukkan ianya lebih besar dan berjaya mempengaruhi perubahan sosio-ekonomi komuniti setempat daripada terus bergantung kepada sektor ekonomi tradisi seperti pertanian dan perikanan kepada sektor ekonomi baru seperti pelancongan dan ekopelancongan. Justeru, kesan negatif pelancongan ke atas komuniti setempat perlu diurus secara baik dan berkesan demi menjamin pembangunan pelancongan lestari di Malaysia.

Rujukan

Jurnal dan Buku

Abdul Rahman Embong. 2007. *Pembangunan Negara dan Pembangunan Insan*. Dlm. *Pembangunan Negara, Komuniti dan Insan Melampaui 2020*. Bangi: Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa.

Abraham Pizam & Aliza Fleischer, (2002) *Severity versus Frequency of Acts of Terrorism: Which has a Larger Impact on Tourism Demand*. Journal of Travel Research, Volume 40, Issue 3, Pages 337-33.

Bernama, "Sektor pelancongan sumbang RM86.14 bilion kepada ekonomi Malaysia pada 2019" dipetik dari [Sektor pelancongan sumbang RM86.14 bilion kepada ekonomi Malaysia pada 2019 Astro Awani](#). Dicetak 11 April 2020.

Bernama (2021) "Country's Tourism Sector Loses 165 Bilion Ringgit- Datuk Seri Nancy Syukri, ASEAN Forum 2021" dipetik dari [Country's tourism sector loses 165 billion ringgit-Minister \(malaysiaikini.com\)](#). 07 Oktober 2021

C. Ancuta, M. Olaru, A. Ianas, (2011) *The rural tourism in and its impact on local development in the mountainous Banat*. Tourism and Economic Development, pp. 142-147. Che Rose, R., M. H, N., &

M.Z, R. (2018). Impak Sektor Pelancongan Terhadap Perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Cherating, Pahang GEOGRAFI, 6(3), 35-43. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/GEOG/article/view/2099>

Christopher Perumal, Zaini Sakawi, Siti Khatijah Zamhari. (2016). Impak ekopelancongan terhadap komuniti tempatan di Malaysia: Kajian kes komuniti nelayan Bagan Lalang, Sepang, Selangor. GEOGRAFIA Online, issue 4 (94 - 108). Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/viewFile/17799/5523>.

Ernawati, N M Sudarmini, N M R Sukmawati, (2018) *Impacts of Tourism in Ubud Bali Indonesia: a Community-Based Tourism Perspective*. Journal of Physics: Conference Series, Volume 953. Conference 1.

Glenn F. Ross, (1992) *Resident Perceptions of The Impact of Tourism on an Australian City*. Journal of Travel Research, Volume 30, Issue 3, pages 13-17.

Habibah Ahmad, (1994) *Industri Pelancongan Di ASEAN: Satu Cabaran*. Akademika, 44. pp. 15-44.

Hamzah, Mior Ahmad and Mamat, Rashidah, (2004) *Nilai perpaduan dalam kenegaraan Malaysia: Mencari titik persamaan dari kepelbagaian komuniti pasca modenisme*. In: Seminar Antarabangsa

Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004),
4-6, September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.

Kayoko Ishii, (2011) *The Impact Of Ethnic Tourism On Hill Tribes in Thailand*. *Annals of Tourism Research*, Volume 39, Issue 1, Pages 290-310.

Ko, D.W., and W. P. Stewart. (2002). A Structural Equation Model of Residents' Attitudes for Tourism Development. *Tourism Management*, 23 (5): 521-30

Kosmo "Tourist Arrivals to Sabah Decreased by 85.2%" dipetik dari [Tourists' entry to Sabah decreases by 85.2% - Kosmo Digital](#). 21 September 2021.

Lawrence R. Allen, Patrick T. Long, Richard R. Perdue, Scott Kieselbach, (1988) *The Impacts Of Tourism Development On Residents' Perceptions Of Community Life*. *Journal of Travel Research*, Volume 27, Issue 1, Pages 16-21.

Lawrence R. Allen, Patrick T. Long, Richard R. Perdue, Scott Kieselbach, (1988) *The Impacts Of Tourism*.

L F Liu & J C Wang, (1987) *Supercoiling of the DNA template during transcription*. *Proceedings of the National Academy of Sciences* Oct 1987, 84 (20) 7024-7027.

Mathieson, A., & Wall, G. (1982). *Tourism, economic, physical and social impacts*. Longman.

Marzuki, A. (2008). Impacts of Tourism Development in Langkawi Island Malaysia; a Qualitative Approach. *International Journal Of Hospitality & Tourism Systems Volume 1 Issue 1*.

Noor Azrina bt Ithnir. (2008). *Persepsi Pelancong Terhadap Pelancongan Kajian Kes: Kuala Lumpur dan Johor Bahru*. Fakulti Alam Bina Universiti Teknologi Malaysia.

Norlida Hanim Mohd Salleh, Md Shafiin Shukor dan Siti Hajar Mohd Idris. 2017. Impak Pembangunan Pelancongan ke atas Persekitaran Manusia dan Fizikal Komuniti Pulau Tioman. *Akademika* 87(3).

- Norliyana Adnan & Mohd Parid Mamat (2018). Impak dan Persepsi Ekopelancongan Terhadap Komuniti Setempat di Lumut Perak . *Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara ke-3,2018*, 7.
- Omar, M & Joarder, Anwar & Riaz, Muhammad. (2013). JP 69. Omar, M.H.; Joarder, A.H. and Riaz, M. (2013). On a correlated variance ratio distribution and its industrial application. Accepted in *Communications in Statistics – Theory and Methods*. (ISI)Distribution and Its Industrial Application. 44. 261-274
- Parveen, K., Arif, J., & Norizan, B.A. (2016). The Impact Of Community Based Tourism On Community Development In Sarawak. *Semantic Scholar*. Sarawak.
- Poplin, D. E. (1978). *Communities: A Survey of Theories and Methods of Research 2nd Edition*. New York: Macmillan Pub Co; 2nd edition.
- Safura binti Ismail, (2015) Social Impacts of Tourism Development On Local Community in Mukim Kedawang, Langkawi Island.
- Siti Nurhayati, Muljadi, AJ (2002). *Pengertian Pariwisata. Kursus Tertulis Pariwisata Tingkat Dasar. Modul 1*. Badan Pengembangan Kebudayaan dan Pariwisata Pusat Pendidikan. Jakarta
- Šimková a, Jindřich Holzner b (2007). *Motivation of Tourism Participants*. Published by Elsevier Ltd.
- Syaripuddin, N. (2017). Persepsi Penduduk Tempatan Terhadap Impak Pembangunan Ekopelkancongan Di Semporna Sabah.
- Upchurch, R. S., & Teivane, U. (2000). Resident perceptions of tourism development in Riga, Latvia. *Tourism Management*, 21(5), 499-507.
- Yahaya Ibrahim, (2006) *Komuniti Melayu Pulau Tioman: Isu dan cabaran dalam konteks pembangunan pelancongan*. *Jurnal Melayu*, 2. pp. 141-153.
- Zuliskandar, Ramli & Mokhtar, Mazlin & Razman, Muhammad & Zakaria, Sharifah. (2015). Pelancongan berasaskan warisan di Malaysia: potensi dan cabaran.